



RISALAH PENGELUARAN PENDIDIKAN

TUJUAN

Pengeluaran ini membolehkan ahli mengeluarkan simpanan Akaun 2 untuk membiayai yuran pengajian ahli / anak ahli (termasuk anak tiri dan anak angkat) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di dalam atau di luar negara.

KELAYAKAN MEMOHON

- (i) Warganegara Malaysia; **ATAU**
- (ii) Warganegara Malaysia yang telah membuat pengeluaran di bawah Pengeluaran Meninggalkan Negara sebelum 1 Ogos 1995 dan kemudian memilih untuk mencarum semula dengan KWSP; **ATAU**
- (iii) Bukan warganegara Malaysia yang;
 - Menjadi ahli sebelum 1 Ogos 1998; **ATAU**
 - Mendapat taraf Penduduk Tetap (PR)

- Ahli belum mencapai umur 55 tahun pada tarikh permohonan diterima oleh KWSP; **DAN**

- Ahli masih mempunyai simpanan dalam Akaun 2.

SYARAT-SYARAT PENGELUARAN

1) Tarikh Kuatkuasa Pengeluaran Pendidikan Berdasarkan Peringkat Pengajian

- 1 April 2000 - Ijazah Sarjana Muda dan ke atas serta yang setara dengannya bagi anak ahli
- 2 Januari 2001 - Diploma dan ke atas serta yang setara dengannya bagi ahli
- 17 Januari 2006 - Diploma bagi anak ahli

2) Program Pengajian Yang Dibenarkan

- Ahli / anak ahli telah mendaftar untuk pengajian **akademik / profesional / kemahiran / vokasional** di IPT yang dibenarkan.

3) Peringkat Pengajian Yang Dibenarkan

- Ahli / anak ahli mestilah mengikuti pengajian peringkat Diploma, Diploma Lanjutan, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah atau yang setara dengannya.

4) Kursus Pengajian Yang Dibenarkan

- **IPT Dalam Negara**

- a) Kursus Pengajian Akademik

Kursus pengajian akademik yang diikuti sepenuh masa, separuh masa atau program jarak jauh yang ditawarkan oleh :-

- Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA);
- Institusi Pengajian Tinggi Kerajaan (IPTK) seperti politeknik, kolej komuniti, institusi pendidikan atau mana-mana IPT di bawah seliaan agensi Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri;
- Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang telah diluluskan oleh Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pengajian Tinggi (JPS-KPT) atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- Kampus cawangan universiti luar negara yang telah mendapat kelulusan dari JPS-KPT atau MQA.

- b) Kursus Pengajian Profesional dan Kursus Kemahiran

- Kursus pengajian profesional / kursus kemahiran yang menjalankan sesi pembelajaran secara interaksi bersemuka di antara pelajar dan pensyarah yang telah diluluskan oleh JPS-KPT / MQA atau yang telah dinilai taraf oleh Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) **ATAU** mana-mana Badan-Badan Profesional yang diiktiraf oleh Kerajaan setara dengan peringkat Diploma dan ke atas.
- Bagaimanapun, kursus profesional yang termasuk dalam senarai kelulusan KWSP yang dijalankan secara maya (*'on-line'*) dengan badan profesional di luar negara tanpa melibatkan IPT dalam negara boleh dipertimbangkan untuk kelulusan.
- Senarai penuh kursus profesional / kursus kemahiran yang diluluskan dan tidak diluluskan untuk Pengeluaran Pendidikan boleh diperolehi di laman web KWSP di alamat www.kwsp.gov.my atau di mana-mana kaunter perkhidmatan KWSP yang berhampiran.

c) Kursus Vokasional

- Kursus vokasional yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK / MLVK), Kementerian Sumber Manusia bahawa kursus tersebut setara dengan peringkat Diploma (tahap 4) atau Ijazah Sarjana Muda (tahap 5).

• **IPT Luar Negara**

Kursus pengajian **sepenuh masa** di IPT luar negara tertakluk kepada peringkat pengajian yang diluluskan.

• **Program Pendidikan Jarak Jauh atau Pengajian Secara 'Off Shore' Dengan IPT Luar Negara**

- Kursus pengajian jarak jauh atau pengajian secara 'off shore' dengan IPT luar negara yang dijalankan secara usahasama dengan IPT dalam negara dan telah mendapat kebenaran serta kelulusan dari JPS-KPT sahaja dibenarkan. Pengajian yang dibuat secara terus dengan IPT luar negara atau melalui agen tempatan dan agen luar negara tidak dibenarkan.

• **Program Francais**

- Kursus pengajian yang dikendalikan oleh IPTS secara francais dengan IPTA.
- Kursus pengajian yang dikendalikan oleh IPTS secara francais dengan IPT luar negara dan telah menerima 'Surat Kelulusan Mengendalikan Kursus Pengajian' yang dikeluarkan oleh JPS-KPT.

5) Yuran Pengajian Yang Dibenarkan

- Yuran pengajian adalah semua jenis bayaran yang dikenakan oleh pihak IPT termasuk kos tiket penerbangan sehala untuk IPT dalam dan luar negara (kelayakan semasa pelajar mendaftar di tahun pertama sahaja).
- Yuran Asrama/ Penginapan Pelajar
 - (i) Yuran Asrama yang disediakan oleh IPT/ Pihak Ke 3 yang dilantik oleh IPT
 - (ii) Bayaran Penginapan Secara PersendirianKos sewa sama atau kurang daripada kadar sewa yang disediakan oleh IPT
 - Ahli perlu membuktikan kadar sewa lebih rendah daripada kadar yuran asrama yang disediakan oleh IPT. Dokumen yang diperlukan :
 - a. Sebutharga atau perjanjian penyewaan (contoh : sewa bulanan/sewa tahunan) daripada pihak persendirian (tuan rumah/ landlord)
 - b. Surat tawaran atau dokumen yang mengesahkan maklumat berkenaan penyewaan daripada IPT atau pihak ke tiga yang dilantik oleh IPT (contoh : sewa bulanan/ sewa tahunan)

Nota :

Kelayakan maksima adalah kadar sewa yang ditetapkan oleh IPT atau pihak ke tiga yang dilantik atau pihak persendirian (tuan rumah/landlord) untuk tempoh bayaran setahun penyewaan.

Dokumen Sokongan yang membuktikan pihak ke tiga adalah pihak yang dilantik oleh IPT antaranya MOU atau surat pelantikan.

- Ahli / anak ahli yang sedang mengikuti pengajian atau telah berjaya menamatkan pengajian **dibenarkan** memohon pengeluaran untuk membiayai yuran pengajian di bawah keadaan berikut :-
 - (i) Membiayai yuran pengajian yang belum dijelaskan kepada IPT; **ATAU**
 - (ii) Pembayaran balik kepada ahli sekiranya yuran pengajian telah dijelaskan kepada IPT berdasarkan resit bayaran yang dikeluarkan oleh IPT **dengan syarat** tarikh resit tidak melebihi satu tahun pada tarikh permohonan diterima; **ATAU**
 - (iii) Pelajar telah tamat pengajian dan mempunyai yuran tertunggak di IPT, pelajar mesti menamatkan pengajian dengan jaya layak memohon dalam tempoh setahun dari tamat pengajian.
 - (iv) Mengurang / menyelesaikan baki pinjaman pendidikan yang dibuat dengan institusi pemberi pinjaman yang diluluskan oleh KWSP

6) Syarat-Syarat Bagi Ahli / Anak Ahli Yang Menerima Tajaan (Basiswa / Bantuan Pengajian / Pinjaman

- Ahli layak membuat pengeluaran ini sekiranya ahli / anak ahli **tidak mendapat** atau **mendapat sebahagian tajaan** daripada mana-mana pihak.
- Bagi pelajar yang telah menerima tajaan tetapi dalam keadaan tertentu terpaksa membiayai yuran pengajian sendiri, ahli / anak ahli perlu menyertakan surat pengesahan daripada IPT tentang jumlah yuran pengajian yang perlu dibiayai sendiri berserta dengan penjelasan dari IPT. Bagaimanapun, penjelasan tersebut akan diberi pertimbangan semula oleh KWSP untuk kelulusan.
- Bagi yang telah **menerima tajaan selepas** membuat pengeluaran hendaklah memastikan IPT berkenaan mengembalikan amaun pengeluaran yang telah dibayar bagi tempoh pengajian yang diliputi oleh bantuan tajaan tersebut kepada KWSP bagi tujuan dikreditkan semula ke dalam akaun ahli.

7) Syarat-Syarat Bagi Ahli Untuk Tujuan Mengurang/Menyelesaikan Baki Pinjaman Pendidikan

- Ahli **layak** sekiranya ;
 - (i) Pinjaman Pendidikan dibuat dengan Institusi Kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (BAFIA), Bank Rakyat, JPA, MARA, PTPTN, Yayasan Negeri, Yayasan Pendidikan Negeri, MIED, Yayasan Tenaga Nasional, Yayasan Telekom Malaysia / TMB, Petronas, Yayasan Basiswa Tun Sambanthan, Koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau

mana-mana institusi yang diluluskan oleh KWSP termasuk pinjaman Pendidikan di antara majikan dengan pekerja (pelajar) untuk membiayai pengajian pekerja (pelajar) sahaja; **DAN**

(ii) Perjanjian Pinjaman Pendidikan dibuat atas nama Pelajar atau ibu/ bapa pelajar atau kedua-duanya serta perjanjian tersebut mestilah ditandatangani pada atau selepas tarikh kuatkuasa pelaksanaan pengeluaran berdasarkan peringkat pengajian (sekiranya perjanjian atas nama ibu atau bapa, ahli (ibu atau bapa mestilah merupakan peminjam tersebut.); **DAN**
Nota: Pelajar merujuk kepada ahli atau anak ahli (ahli tidak semestinya pelajar)

(iii) Ahli / anak ahli mestilah sedang mengikuti pengajian atau telah berjaya menamatkan pengajian tersebut; **DAN**

(iv) Kursus pengajian yang dibenarkan di bawah pengeluaran ini.

- Senarai institusi pemberi pinjaman yang diluluskan bagi tujuan mengurang / menyelesaikan baki pinjaman pendidikan boleh diperolehi di laman web KWSP di alamat www.kwsp.gov.my atau di mana-mana kaunter perkhidmatan KWSP yang berhampiran.

8) Syarat-Syarat Lain Yang Perlu Dipatuhi Oleh Pemohon

• Pengajian di IPT Luar Negara

- (i) Surat Tawaran Belajar, Surat Pengesahan Pendaftaran Pelajar dan resit bayaran hendaklah dikeluarkan oleh IPT luar negara tersebut dan **BUKAN** dari agen yang dilantik oleh IPT berkenaan.
- (ii) Semua dokumen dari IPT luar negara perlu dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris. Jika menggunakan bahasa selain Bahasa Inggeris, ianya perlu disertakan bersama dengan **surat terjemahan** dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dari IPT luar negara, Kedutaan Negara tersebut/ Institut Terjemahan Negara/ Mahkamah/ IPTA yang bertauliah yang mempunyai kepakaran dalam bahasa berkenaan.
- (iii) Keuntungan atau kerugian semasa proses pertukaran kadar tukaran wang asing sama ada bayaran dibuat atas nama IPT luar negara atau kepada ahli akan ditanggung oleh ahli. Kadar tukaran adalah berdasarkan kadar tukaran semasa permohonan diluluskan.

• Pengajian di IPT Dalam Negara

- (i) Resit bayaran yang layak dituntut hanyalah resit yang dikeluarkan oleh IPT tersebut sahaja. Sebarang resit bayaran yang dikeluarkan oleh pihak yang dilantik oleh IPT tempatan tidak dibenarkan walau pun surat kebenaran dari IPT ada disertakan.
- (ii) Bagi IPTA, cek bayaran hanya boleh dibuat atas nama IPTA berkenaan sahaja. Bagi IPTS, cek bayaran hanya boleh dibuat atas nama IPTS tersebut atau kepada nama syarikat yang didaftarkan dalam surat kebenaran mengendalikan kursus oleh JPS-KPT.

9) Kekerapan Pengeluaran Yang Dibenarkan

- Ahli dibenarkan memohon pengeluaran untuk membayar yuran pengajian :-
 - (i) Setiap semester; **ATAU**
 - (ii) Setiap tahun akademik kecuali IPTS bertaraf kolej (satu kali pengeluaran dalam satu tahun akademik tersebut)
- Ahli boleh memohon mengeluarkan simpanan ahli sekali bagi setiap semester / tahun akademik bagi setiap orang anak.
- Ahli juga boleh memohon pengeluaran ini bersama suami / isteri untuk membiayai yuran pengajian anak ahli.

10) Keperluan Menghadiri Sesi Temuduga

- Bagi permohonan pengeluaran **di IPTS dalam negara atau IPT luar negara**, ahli / anak ahli dikehendaki untuk menghadiri sesi temuduga yang akan dikendalikan oleh Pegawai KWSP semasa mengemukakan borang permohonan (**untuk permohonan kali pertama sahaja**).

AMAUN YANG LAYAK DIKELUARKAN

Ahli boleh mengeluarkan simpanan sebanyak berikut, **mengikut mana yang kurang** :-

Jumlah yuran pengajian **ATAU** Semua simpanan dalam Akaun 2

SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

BIL.	DOKUMEN UTAMA	PERMOHONAN KALI PERTAMA	PERMOHONAN SETERUSNYA
1.	Borang Pengeluaran KWSP 9H (AHL)	√	√
2.	Kad Pengenalan Diri (a) MyKad / Kad Pengenalan Tentera / Kad Pengenalan Permastautin Tetap (MyPR) ATAU (b) Kad Pengenalan Polis DAN Surat Pengesahan Majikan menyatakan no. Polis dan no. Kad Pengenalan Diri merujuk kepada orang yang sama (jika tidak memiliki MyKad/ Kad Pengenalan Polis yang tidak tertera no. Kad Pengenalan Diri) ATAU Pasport. Jika bukan warganegara Malaysia yang menjadi ahli KWSP sebelum 1 Ogos 1998 <u>Nota:</u> <ul style="list-style-type: none"> • Salinan kad pengenalan tidak perlu sekiranya ahli adalah pemegang MyKad dan Pengecaman Cap Ibu Jari ahli dengan Pengkalan Data KWSP atau Bacaan MyKad adalah padan. • Ahli yang tidak memiliki MyKad dan/atau permohonan melalui pos/ wakil masih perlu mengemukakan salinan dokumen pengenalan diri masing-masing. 	√	√
3.	Surat Tawaran Belajar	√	
4.	Surat Pengesahan Pendaftaran Pelajar yang asal <ul style="list-style-type: none"> • Mengikut format yang ditetapkan oleh KWSP kecuali bagi IPT luar negara. • Tarikh surat tidak melebihi 6 bulan dari tarikh permohonan diterima. <u>Nota :</u> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi IPT luar negara dokumen lain yang mengandungi maklumat butiran pengajian dan yuran pengajian atau lain-lain maklumat berkaitan boleh diterimapakai dan tarikh dokumen tidak tertakluk 6 bulan dari tarikh permohonan 	√	√
5.	Surat Kelulusan Pengiktirafan Kursus Pengajian <ul style="list-style-type: none"> • Dikecualikan kepada pelajar IPTA ATAU IPT luar negara ATAU IPTS dalam negara yang mendapat taraf universiti / kolej universiti / kampus cawangan universiti luar negara yang telah disenaraikan oleh KWSP ATAU Pelajar yang mengikuti Kursus Profesional / Kemahiran secara terus dengan Badan Profesional yang disenaraikan di dalam Senarai Kursus Profesional / Kemahiran yang diluluskan oleh KWSP. (a) <u>Kursus Akademik ATAU Kursus Profesional</u> <ul style="list-style-type: none"> • Surat Kebenaran Mengendalikan Kursus Pengajian yang masih <u>sah laku</u> dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pengajian Tinggi (JPS-KPT); ATAU • Surat / Sijil Perakuan Akreditasi Kursus oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). (b) <u>Kursus Profesional ATAU Kursus Kemahiran</u> <ul style="list-style-type: none"> • Surat Pengesahan Nilai Taraf Kursus Pengajian dikeluarkan oleh Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam; ATAU • Surat Pengesahan oleh Badan-Badan Profesional yang diiktiraf Kerajaan atau Jabatan / Agensi Kerajaan berkaitan mengesahkan kursus adalah setara dengan peringkat diploma dan ke atas. (c) <u>Kursus Vokasional</u> Surat Pengesahan Nilai Taraf Kursus Vokasional dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK / MLVK), Kementerian Sumber Manusia yang mengesahkan kursus adalah setara dengan peringkat Diploma (tahap 4) atau Ijazah Sarjana Muda (tahap 5).	√	√
6.	Salinan Keputusan Peperiksaan Terkini (pelajar IPTA dikecualikan) <ul style="list-style-type: none"> • Pelajar IPTS dalam dan luar negara yang berada di tahun kedua pengajian dan seterusnya 	√	√
7.	Borang Temuduga <ul style="list-style-type: none"> • Pengajian di IPTS dalam negara dan luar negara sahaja • Sesi temuduga terhadap ahli / anak ahli akan dijalankan di kaunter dan borang akan dilengkapkan oleh pegawai KWSP) <u>Nota :</u> <ul style="list-style-type: none"> • Dikecualikan untuk permohonan seterusnya jika pelajar masih mengikuti kursus pengajian dan di IPT yang sama; ATAU • Permohonan yang dikemukakan secara pos dari luar negara untuk IPT luar negara 	√	
8.	Bukti Kelayakan Mengikuti Pengajian <ul style="list-style-type: none"> • Dikecualikan kepada pelajar IPTA ATAU IPT luar negara yang telah disenaraikan oleh KWSP ATAU IPTS dalam negara yang mendapat taraf universiti / kolej universiti / kampus cawangan universiti luar negara yang telah disenaraikan oleh KWSP ATAU pelajar yang mengikuti Kursus Profesional / Kemahiran secara terus dengan Badan Profesional yang disenaraikan di dalam Senarai Kursus Profesional / Kemahiran yang diluluskan oleh KWSP. 	√	

BIL.	DOKUMEN UTAMA	PERMOHONAN KALI PERTAMA	PERMOHONAN SETERUSNYA
	<p>Sijil Kelayakan Akademik perlu dikemukakan mengikut peringkat pengajian seperti berikut :-</p> <p>(a) Peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda</p> <ul style="list-style-type: none"> Sijil SPM (sekurang-kurangnya 3 kredit) ATAU STPM (sekurang-kurangnya lulus satu subjek dengan pangkat C) ATAU Diploma ATAU lain-lain kelayakan yang setara <p>(b) Peringkat Ijazah Sarjana</p> <ul style="list-style-type: none"> STPM (sekurang-kurangnya lulus satu subjek dengan pangkat C) ATAU Diploma / Diploma Lanjutan ATAU Ijazah Sarjana Muda ATAU lain-lain kelayakan yang setara <p>(c) Peringkat Doktor Falsafah</p> <ul style="list-style-type: none"> Ijazah Sarjana <p><u>Nota:</u> Bagi pelajar yang mengikuti pengajian kursus <u>Diploma Eksekutif / Diploma Profesional</u> di IPTA atau IPTS Dalam Negara perlu mematuhi syarat berikut :-</p> <p>(a) Sekurang-kurangnya 3 kredit dalam Sijil SPM; DAN</p> <p>(b) Sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman kerja. Surat Pengesahan Majikan perlu dikemukakan yang menyatakan tempoh perkhidmatan dan jawatan pekerja.</p>		
9.	<p>Pembayaran Secara Pengkreditan Terus Ke Akaun Bank Ahli</p> <p>Buku Bank / Penyata Akaun Simpanan ATAU Penyata Akaun Semasa ATAU Surat Pengesahan Bank Mengenai Butiran Pemegang Akaun ATAU Cetakan Butiran Pemegang Akaun Melalui Laman Web.</p> <p><u>Nota :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Mempunyai akaun di bank panel KWSP yang dilantik Akaun bank mestilah yang masih aktif <p>(Dokumen asal dikecualikan jika ahli dapat memberi maklumat akaun bank dengan betul tanpa merujuk kepada dokumen asal. Ketepatan maklumat penting bagi mengelakkan pengkreditan terus ke akaun ahli gagal)</p>	√	√

BIL.	DOKUMEN SOKONGAN	PERMOHONAN KALI PERTAMA	PERMOHONAN SETERUSNYA
BAGI PENGELUARAN PENDIDIKAN ANAK AHLI			
1.	Kad Pengenalan Anak Ahli	√	
2.	<p>Dokumen Bukti Pertalian</p> <p>Sijil Kelahiran Anak Ahli; ATAU Sijil Nikah / Perkahwinan (jika anak tiri); ATAU Sijil Pendaftaran anak angkat dari Jabatan Pendaftaran Negara (jika anak angkat)</p>	√	
BAGI PERMOHONAN BAYARAN BALIK YURAN PENGAJIAN YANG TELAH DIBAYAR KEPADA IPT			
3.	<p>Resit Bayaran Yuran Pengajian Yang Dikeluarkan Oleh IPT</p> <ul style="list-style-type: none"> Tidak melebihi satu tahun pada tarikh permohonan dikemukakan dan hanya boleh digunakan untuk sekali tuntutan sahaja; DAN Resit asal perlu dikemukakan di kaunter 	√	√
4.	<p>Tuntutan Bayaran Balik Tiket Penerbangan</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlu kemukakan resit bayaran atau tiket penerbangan (mengandungi butiran nama penumpang, amaun bayaran, tarikh dan destinasi penerbangan). Kelayakan penerbangan <u>sehala</u> bagi pelajar IPT dalam / luar negara semasa mendaftar untuk memulakan pengajian pada tahun pertama sahaja. 	√	
BAGI PENGAJIAN DI IPT LUAR NEGARA			
5.	<p>Salinan muka surat butiran pasport pelajar yang masih sah laku DAN</p> <p>a) <u>Jika ahli / anak ahli telah ke luar negara</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Muka surat yang mengandungi tarikh dan cop Jabatan Imigresen negara berkenaan/ bayaran yuran pengajian/ Visa belajar/ Keputusan Peperiksaan sebagai bukti pelajar telah mengikuti pengajian di luar negara; ATAU <p>b) <u>Jika ahli / anak ahli belum ke luar negara</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Bukti bayaran yuran pengajian atas nama IPT luar negara sebagai komitmen untuk mengikuti pengajian di luar negara 	√	
BAGI PERMOHONAN SECARA POS			
6.	Borang Permohonan Pendaftaran Ahli dan Pindaan Maklumat (KWSP 3)	√	√

**PERMOHONAN MENGURANG / MENYELESAIKAN BAKI PINJAMAN PENDIDIKAN
DENGAN INSTITUSI PEMBERI PINJAMAN YANG DILULUSKAN KWSP**

BIL.	DOKUMEN SOKONGAN	JIKA PELAJAR SEDANG MENGIKUTI PENGAJIAN		JIKA PELAJAR TELAH BERJAYA MENAMATKAN PENGAJIAN	
		PERMOHONAN KALI PERTAMA	PERMOHONAN SETERUSNYA	PERMOHONAN KALI PERTAMA	PERMOHONAN SETERUSNYA
1.	Perjanjian Pinjaman Pendidikan atas nama ahli ATAU anak ahli <u>Nota:</u> <ul style="list-style-type: none"> Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan boleh diterima sebagai ganti salinan Perjanjian Pinjaman Pendidikan. Kelayakan tertakluk kepada tarikh kuatkuasa pelaksanaan pengeluaran berdasarkan peringkat pengajian. 	√		√	
2.	Penyata Baki Pinjaman Pendidikan terkini <ul style="list-style-type: none"> Mengikut format yang ditetapkan oleh KWSP yang asal Tidak melebihi 3 bulan dari tarikh permohonan diterima 	√	√	√	√
3.	Surat Pengesahan Pendaftaran Pelajar yang asal <ul style="list-style-type: none"> IPT dalam negara perlu mengikut format yang ditetapkan oleh KWSP Tempoh sahlaku surat adalah 6 bulan daripada tarikh permohonan diterima 	√	√		
4.	Surat Kelulusan Pengiktirafan Kursus Pengajian (seperti yang dinyatakan dalam Bil. 5 dalam jadual di Dokumen Utama)	√	√		
5.	Dokumen Bukti Berjaya Menamatkan Pengajian <ul style="list-style-type: none"> Salinan sijil akademik; ATAU Transkrip keputusan peperiksaan semester akhir yang membuktikan pelajar telah berjaya menamatkan pengajian 			√	
6.	Sekiranya nama kursus atau nama IPT berbeza antara sijil akademik dan penyata baki pinjaman/perjanjian pinjaman/surat tawaran, ahli perlu mengemukakan dokumen tambahan <ul style="list-style-type: none"> Surat Kelulusan Pengiktirafan Kursus Pengajian (seperti yang dinyatakan dalam Bil. 5 dalam jadual di Dokumen Utama); ATAU Surat penjelasan dari IPT tentang perbezaan tersebut 	√		√	
7.	Sekiranya Institusi Pemberi Pinjaman adalah Koperasi <ul style="list-style-type: none"> Sijil Pendaftaran Koperasi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia / Jabatan Pembangunan Koperasi 	√		√	

NOTA :

KWSP berhak meminta apa-apa dokumen tambahan sekiranya diperlukan dan menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.

PERHATIAN DAN MAKLUMAN KEPADA PEMOHON

- KWSP tidak mengeluarkan sebarang resit atas bayaran pengeluaran yang dibuat kepada pihak ketiga.
- Kegagalan Mengembalikan Amaun Yang Tidak Digunakan Bagi Maksud Pengeluaran**
Sekiranya pemohon tidak menggunakan bayaran pengeluaran bagi maksud pengeluaran dibuat, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi RM2,000.00 atau kedua-duanya [Seksyen 58A, Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2007].
- Membuat Kenyataan Yang Tidak Betul Atau Tidak Benar Atau Mengemukakan Dokumen Palsu**
Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan pemohon boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau kedua-duanya [Seksyen 59, Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2007].

KAEDAH BAYARAN

A. JIKA AHLI / ANAK AHLI TELAH MEMBUAT PEMBAYARAN

- Semua bayaran pengeluaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank ahli dengan syarat :-
 - Ahli mempunyai akaun bank dengan bank panel KWSP yang dilantik; **DAN**
 - Akaun bank ahli masih aktif; **DAN**
 - Nombor pengenalan diri ahli adalah sama dengan rekod bank.
 - Bayaran dibuat dalam matawang Ringgit Malaysia (RM)
- Bagaimanapun, sekiranya bayaran tidak berjaya dikreditkan ke dalam akaun bank ahli seperti akaun bank tidak aktif atau nombor Kad Pengenalan Diri tidak sepadan, bayaran akan dibuat melalui cek jurubank.
- Bagi ahli / anak ahli yang **berada di luar Malaysia**, boleh memilih bayaran melalui Draf Bank Asing. Jenis matawang adalah seperti berikut :-

- Matawang asing mengikut pilihan ahli di dalam borang permohonan dengan syarat matawang tersebut ada disenaraikan oleh KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing; **ATAU**
- Dalam matawang US Dollar sekiranya jenis matawang yang dipohon oleh ahli dalam borang permohonan tiada dalam senarai KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing

B. JIKA AHLI / ANAK AHLI BELUM MEMBUAT PEMBAYARAN

(i) Bagi IPT Dalam Negara dan Institusi Pemberi Pinjaman Yang Diluluskan (pihak ketiga)

- Bayaran akan dibuat melalui Cek Jurubank di atas nama IPT Dalam Negara / Institusi Pemberi Pinjaman Yang Diluluskan.
- Cek Jurubank tersebut akan dihantar terus ke alamat pihak ketiga yang dinyatakan ahli dalam borang permohonan melalui pos secara mel berdaftar atau serahan kaunter atas permintaan pihak ketiga sahaja. Satu notis bayaran (yang dikepil bersama cek jurubank) yang mengandungi maklumat bayaran dan pengeluaran akan dihantar kepada pihak ketiga. Manakala satu notis makluman (cek jurubank telah dihantar kepada pihak ketiga) akan dihantar kepada ahli.

(ii) Bagi IPT Luar Negara

- Bayaran akan dibuat melalui draf bank asing atas nama IPT luar negara dalam matawang asing ;
 - Matawang asing mengikut pilihan ahli di dalam borang permohonan dengan syarat matawang tersebut ada disenaraikan oleh KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing; **ATAU**
 - Dalam matawang US Dollar sekiranya jenis matawang yang dipohon oleh ahli dalam borang permohonan tiada dalam senarai KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing
- Nota :
KWSP akan membuat pengesahan semula dengan ahli sekiranya jenis matawang yang dipilih dalam borang permohonan tiada dalam senarai yang dibenarkan atau sebelum menukar jenis matawang kepada US Dollar.
- Draf bank asing tersebut akan diserahkan kepada ahli untuk disampaikan kepada IPT. **Bayaran kepada agen adalah tidak dibenarkan.**

CARA PERMOHONAN DIHANTAR

Permohonan boleh dihantar di mana-mana cawangan KWSP sama ada melalui serahan di kaunter ATAU melalui pos.

SERAHAN DI KAUNTER

- Sila bawa bersama SEMUA dokumen asal bagi tujuan pengesahan oleh Pegawai KWSP.
- Bagaimanapun, jika salinan dokumen telah dibuat pengesahan sila pastikan salinan dokumen disahkan oleh pegawai yang dibenarkan oleh KWSP, lengkap dengan tandatangan, nama, jawatan dan cop rasmi pengesah.

SERAHAN MELALUI POS

- Sila pastikan SEMUA salinan dokumen telah disahkan pegawai yang dibenarkan oleh KWSP, lengkap dengan tandatangan, nama, jawatan dan cop rasmi pengesah.
- Permohonan melalui pos boleh dialamatkan kepada :-

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Karung Berkunci No. 220
Jalan Sultan
46720 Petaling Jaya
SELANGOR

PERTANYAAN

Jika ahli mempunyai kemusykilan atau memerlukan maklumat lanjut mengenai pengeluaran ini, sila hubungi :-

- Mana-mana cawangan KWSP yang berhampiran
- Pusat Pengurusan Panggilan KWSP. Tel: **03-8922 6000**
- Maklumbalas Pelanggan, <http://enquiry.kwsp.gov.my>

Sila nyatakan nombor KWSP atau nombor Kad Pengenalan ahli dan jenis pengeluaran yang dipohon apabila berurusan dengan KWSP. Ahli juga boleh melayari laman web KWSP di alamat www.kwsp.gov.my bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai jenis pengeluaran KWSP dan panduan umum kepada ahli.

Anda Keutamaan Kami

Tarikh Cetakan : April 2015